

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 18 - 24 JULAI 2024

www.selangorkini.my

Negeri sasar hasil RM500 billion

Nilai ekonomi tersebut boleh dicapai dalam masa dua hingga tiga tahun akan datang berikutan purata pertumbuhan 7.43 peratus dicatat antara 2021 hingga 2023, mengatasi angka sasaran awal

MUKA 2

Atasi isu geran perumahan kos rendah

Tubuh pasukan khas terdiri pelbagai agensi kerajaan untuk atasi masalah hak milikan 549 projek perumahan yang berlarutan sejak puluhan tahun lalu. Perkara tersebut antara tumpuan Belanjawan 2025

MUKA 2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Sukan Najwan Halimi menyambut ahli pasukan e-sukan Selangor Red Giants (SRG) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang pada 17 Julai 2024. SRG menjuarai kejohanan Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang di Riyadh, Arab Saudi.

Foto REMY ARIFIN

pancawarna

Terdidik sebagai pemerintah berwibawa

Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah tidak anggap tanggungjawab kepada rakyat jadi sebahagian rutin Seri Paduka



9

Khidmat Agong sejak lafaz sumpah jawatan

Rai tetamu negara asing, dekatkan rakyat jadi sebahagian rutin Seri Paduka

12&13



Pertabalan kaya dengan tradisi kesultanan

Motif daun gambir dan lada hitam diterap pada corak tengkolok, bengkung

15



Sultan jalani rawatan mata

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dijangka berada di hospital selama 10 hari bagi menjalani rawatan periksaan lengkap kesihatan.

Menurut Facebook Selangor Royal Office, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga akan melakukan prosedur pembedahan katarak mata sebelah kanan yang tertangguh selama lapan bulan.

Menerusi kenyataan sama pada 16 Julai, Baginda sebelum ini menjalani pembedahan sama untuk mata sebelah kiri.

"Baginda kini berada di hospital setelah dinasihatkan oleh doktor untuk menjalani rawatan pemeriksaan kesihatan.

"Susulan prosedur ini, Baginda dijangka berada dalam fasa pemulihan selama 10 hari," kata kenyataan berkenaan.

Naik taraf tiga pangsapuri

GOMBAK - Sebanyak RM600,000 diagih kepada tiga pangsapuri di daerah ini bagi menaik taraf infrastruktur, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau yang juga ahli parlimen Gombak memberitahu bantuan yang disalur negeri dan persekutuan itu bertujuan memastikan keselesaan penduduk sekali gus menjamin kehidupan lebih harmoni.

"Sebanyak RM500,000 diberi kepada Pangsapuri Cemerlang Court menerusi Baik Pulih Negeri Berkebajikan untuk kerja baik pulih bumbung.

"Sebanyak RM50,000 diberi kepada Pangsapuri Cempaka untuk mengecat dan Pangsapuri Permai dengan jumlah sama bagi pemasangan kamera litar tertutup," katanya pada 14 Julai.

Berucap di Program Rewang Komuniti Strata Majlis Perbandaran Selayang, Amirudin berkata kerajaan persekutuan meluluskan RM10 juta untuk menyelenggarakan pangsapuri di seluruh negeri.

Sejak 2011 hingga Jun 2022, Kerajaan Negeri membelanjakan RM123.7 juta bagi baik pulih 357 pangsapuri kos rendah.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas

Raja Muda puji kesungguhan SRG

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor menyifatkan kemenangan pasukan Selangor Red Giants (SRG) dalam kejohanan Mid Season Cup (MSC) Mobile Legend Bang Bang (MLBB) di Arab Saudi sebagai kejayaan luar biasa dan pencapaian bersejarah.

Tengku Amir Shah yang merupakan pemilik SRG bertitah pasukan tersebut bukan sahaja memamer

keberanian, kegigihan dan keazaman semasa kejohanan tetapi sejak mulai projek e-sukan pada 2023.

"Kita merupakan pasukan Malaysia pertama yang memenangi kejohanan MLBB S-Tier bertaraf antarabangsa. Anda semua telah memperkenalkan keber-

anian, kegigihan dan keazaman bukan sahaja semasa MSC 2024 tetapi sejak mulai projek e-sukan pada 2023.



"Kalian berjaya mengatasi segala rintangan di setiap peringkat, menakluki pelbagai halangan dan cabaran serta mencapai kejayaan demi kejayaan di luar sangkaan ramai sehingga dinobatkan sebagai Juara Dunia.

"Anda telah membawa kebanggaan kepada seluruh negara dan meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai sebuah kuasa yang dihormati dan digeruni dalam arena permainan MLBB antarabangsa," titah Baginda menerusi hantaran di Facebook Selangor FC pada 17 Julai.

Sumbang KDNK dalam tempoh tiga tahun

Sasar raih hasil RM500 billion

Oleh **YASMIN RAMLAN**

PETALING JAYA - Selangor menyasarkan sumbangan RM500 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh tiga tahun, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau mengingatkan semua pihak supaya tidak mudah leka dengan pencapaian sedia ada sebaliknya bekerja lebih keras untuk mencapai matlamat tersebut.

"Bukan berpuas hati sepenuhnya dengan RM406 billion tetapi mencari jalan membina ekonomi RM500 bi-

lion dalam dua hingga tiga tahun akan datang," katanya sempena Sambutan Jubli Perak Invest Selangor di sini pada 15 Julai.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2 Julai, Selangor menjadi negeri penyumbang tertinggi KDNK iaitu 25.9 peratus tahun lalu, neningkat 0.4 peratus berbanding 2022.

Nilai ekonomi Selangor juga buat pertama kali mencécah RM406.1 billion, negeri pertama di Malaysia melebihi paras RM400 billion, mengatasi gabungan Johor, Sarawak dan Pulau Pinang.

Beliau berkata Selangor perlu

meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi memenuhi keperluan tempatan sekali gus menjadi pangkalan strategik di Asia Tenggara dan rantau Asia.

Katanya, Selangor sejak 2018 berupaya mengekal pelaburan pembuatannya pada kadar tidak kurang RM12 billion setahun berbanding negeri lain yang lebih cenderung mengalami situasi turun naik.

"Kita memastikan aliran pelaburan konsisten ke negeri ini, mengekal ekosistem yang utuh. Ini dipantau Invest Selangor yang menyelaraskan usaha menarik pelaburan," katanya.

RM2,000 insentif haji pada 2026

GOMBAK - Insentif Haji Muassasah dinaik kepada RM2,000 pada tahun-tahun mendatang berbanding RM1,000 pada masa ini, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Memberitahu sumbangan itu bertujuan meringankan beban jemaah yang menunaikan Rukun Islam kelima, beliau berkata lebih 3,000 jemaah menikmati kemudahan tersebut pada tahun ini.

"Mereka menerima RM1,000 sele-

pas dinaikkan daripada RM500. Tetapi tahun 2026, 2027, kita naikkan insentif jadi RM2,000," katanya di Kampung Melayu Wira Damai di sini pada 14 Julai.

Beliau menyerahkan sumbangan kemasyarakatan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua antaranya insentif haji kepada 70 individu, sumbangan kewangan DUN (65), bantuan bencana (31), dua sumbangan raya fasa dua Menteri Besar Selangor (Pemerba-

danan) dan satu sumbangan peribadi.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri meningkatkan Insentif Haji Muassasah daripada RM500 kepada RM1,000 melalui peruntukan RM6 juta yang memberi manfaat kepada 6,000 jemaah.

Beliau juga menyatakan seramai 36 individu dari kalangan berpendapatan rendah menerima tajaan penuh Kerajaan Negeri pada tahun ini untuk menunaikan ibadah berkenaan.

Tumpu 549 perumahan dapat geran

SHAH ALAM - Sebanyak 549 perumahan kos rendah tidak mendapat status pemilikan strata meskipun sudah didiami sejak puluhan tahun lalu, kata EXCO perumahan.

Borhan Aman Shah berkata kediaman berkenaan akan menjadi tumpuan dalam Belanjawan 2025 bagi membolehkan pemiliknya memiliki geran sekali gus menjaga nilai hartanah mereka.

"Memang banyak perumahan strata yang belum dapat hak milikan terutama pembangunan pada era 1990-an. Jumlah ini melibatkan kategori kos rendah sahaja dan kita jangka lebih banyak lagi pangsapuri mengalami masalah sama."

"Kita kenal pasti itu ini banyak berlaku di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Ka-

jang. Jadi menerusi belanjawan tahun depan kita akan bantu selesaikan masalah yang berlarutan sejak 20, 30 tahun ini," katanya pada 15 Julai.

Beliau berkata satu pasukan khas melibatkan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, pihak berkuasa tempatan, pejabat tanah dan galian serta Jabatan Ukur dan Pemetaan ditubuhkan untuk meneliti perkara berkenaan.



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

Pertabalan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17

pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

**“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”**

Sembah takzim daripada



**YAB DATO’ SERI AMIRUDIN SHARI
DATO’ MENTERI BESAR SELANGOR,
KERAJAAN DAN RAKYAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

Gesa tangkap pelaku simbah asid

SHAH ALAM - Pejabat Dewan Negeri Selangor (DNS) akan menghantar surat kepada polis bagi menggesa penangkapan pihak yang menyimbah asid terhadap Muhammad Faisal Abdul Halim.

Speaker Lau Weng San memberitahu sidang dewan meluluskan usul tergempar mengecam perbuatan melampau dan ganas terhadap atlet selepas dipersetujui wakil rakyat kerajaan dan pembangkang.

"Usul tergempar dibawa Ahli Dewan Negeri Seri Serdang Abbas Azmi berkaitan kezaliman terhadap Faisal Halim telah dibahaskan wakil rakyat dan diluluskan dewan negeri.

"Sidang dewan telah luluskan usul mengecam kejadian menimpa Faisal Halim selain mendesak siasatan dijalankan secara menyeluruh serta cepat," katanya dalam sidang media pada 11 Julai.

Pada 5 Julai, wakil rakyat Seri Serdang membawa usul tergempar mengecam tindakan yang mengancam keselamatan nyawa dan karier atlet terutama pemain bola sepak.

Usul berkenaan yang dibahaskan kira-kira lima wakil rakyat diluluskan Timbalan Speaker Kamri Kamaruddin sebelum perbaikan Kajian Separuh Penggal RS-1.

Tiada kekosongan kerusi Selat Klang

SHAH ALAM - Speaker Dewan Negeri Selangor Lau Weng San memutuskan kerusi Dewan Undangan Negeri Selat Klang tidak perlu dikosongkan.

Katanya, keahlian Datuk Abdul Rashid Asari dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) terhenti kerana pemecatan terancang bawah Perkara 65A(2)(c) Perlembagaan Negeri Selangor.

"Notis dan bukti daripada Yang Berhormat Hulu Kelang (Dato' Seri Mohamed Azmin Ali) tidak memenuhi beban pembuktian yang diperlukan untuk membuktikan yang sebaliknya.

"Selamat untuk disimpulkan atas skala pertimbangan kebarangkalian atau balance of probability bahawa tiada bukti mencukupi untuk mengesahkan berlakunya kekosongan luar jangka," katanya.

Sebelum ini, Azmin, pengurus Bersatu Selangor, menyerahkan notis pengosongan kerusi itu berikutan Abdul Rashid menyatakan sokongan kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Iktiraf ikon penerbangan wanita

SHAH ALAM - Pameran Penerbangan Selangor (SAS) 2024 yang dijadual pada 12 hingga 14 Sepember di Pusat Penerbangan Serantau Skypark di sini dijangka menarik penyertaan 110 pempamer.

Menurut EXCO pelaburan, SAS menampilkan 15 syarikat dari tujuh negara iaitu Amerika Syarikat (AS), United Kingdom, China, Singapura, Jerman, Perancis dan Republik Czech, lapor Bernama.

"Acara edisi keempat ini turut mengetengah Cirrus Aircraft, Textron Aviation, Dassault Aviation, Bombardier,

UMW Aerospace dan banyak lagi.

"Kami akan ada paparan statik dari pasukan AS, Perancis, Singapura dan Malaysia selain pelbagai jenis pesawat seperti Diamond, Falcon 8x, Caravan dan Piaggio Avanti," kata Ng Sze Han.

Berucap dalam majis pelancaran awal pada 11 Julai, beliau memberitahu 40 peserta industri aeroangkasa dan penerbangan ditampilkan bagi menghubungkan mereka dengan bakat berpotensi.

Sze Han berkata wanita dalam industri penerbangan juga bakal menerima

Anugerah Wanita dalam Penerbangan dengan kerjasama Women in Aviation Asia dan Malaysia Aviation Group.

"Wanita membentuk kurang 20 peratus tenaga kerja penerbangan di seluruh dunia, ini cara kami raikan pencapaian luar biasa mereka dalam industri aeroangkasa dan penerbangan Malaysia," katanya.

Beliau menambah pengunjung juga boleh menyaksikan pertunjukan udara juruterbang aerobatik pertama Malaysia Kapten John Sham atau lebih dikenali dengan nama panggilan Scratchman.

Dana swasta bangun zon ekonomi

RM15.6 juta bersih Sungai Klang

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Berjaya Land Berhad menyuntik dana RM15.6 juta untuk membangunkan projek zon ekonomi Gerbang Maritim Selangor, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan syarikat berkenaan bertanggungjawab mendapatkan sumber kewangan mengikut klau-sa perjanjian yang dimeterai pada 27 Januari 2021.

"Mereka suntik dana bagi membiayai pembinaan prasarana, penyediaan perancangan dan pelan pembangunan, proses bayaran premium tanah serta program pembersihan Sungai Klang," katanya.

Amirudin menjawab dakwaan Ketua Pembangkang Dato' Seri Mohamed Azmin Ali kononnya Berjaya Land tiada kemampuan kewangan dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 11 Julai.

Menurut Amirudin, kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur

diperoleh daripada Majlis Bandaraya Shah Alam pada 20 Mei bagi membangunkan pesisir sungai seluas 26.29 ekar di Seksyen 24, Shah Alam.

"Keseluruhan pembangunan ini melibatkan 1,922 unit rumah dan 40 peratus daripada ini telah disyaratkan untuk dibangunkan sebagai rumah mampu milik.

"Ia akan dilancarkan pada suku ketiga 2025 setelah perkara berkaitan tanah dan kelulusan lanjut diselesaikan," katanya lagi.

Tiada pertukaran hak milik tanah

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberi jaminan tidak akan memindah tanah milik Yayasan Selangor untuk pembangunan Kompleks Stadium Shah Alam (KSSA).

Sebaliknya, beliau menegaskan tanah seluas 1,277 hektar itu kekal digunakan untuk pembangunan Pelabuhan Pulau Carey yang diuruskan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

"Tiada rencana, rancangan tukar tanah. Bagaimanapun, tanah ini akan dijadikan kapital (modal) untuk memegang minimum 20 peratus kepada usaha dan operasi pelabuhan ketiga.

"Kita belajar (sebelum ini) pelabuhan utara dan barat ini beroperasi, hasilnya hanya mengalir dalam bentuk cukai, tiada usaha untuk tukar," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 11 Julai.

Mengulas isu pertukaran tanah kepada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) bagi pembangunan stadium, Amirudin berkata negeri ada tempoh setahun untuk menyelesaikannya.

Katanya, tanah berpotensi dikenal pasti di Kuala Langat, Hulu Selangor dan dibincangkan antara Setiausaha Kerajaan Negeri mewakili Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) de-

ngan MRCB.

Amirudin juga menambah proses perrobohan dalam tempoh setahun mengikut terma majlis tempatan selain mengambil kira kawasan tersebut adalah penempatan dan perniagaan.

"Aktiviti bising tidak boleh melebihi tujuh desibel menggunakan kaedah konvensional. Kaedah letupan bukan pilihan terbaik kerana beri kesan pada perumahan dan kediaman sekeliling."

"Selain itu, sebahagian aset stadium boleh diguna semula antaranya kerusi yang masih baik diberikan kepada stadium lain di Sabak Bernam, Sungai Besar dan Selayang," katanya.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Khamis	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45
19 Jumaat	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45
20 Sabtu	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:45
21 Ahad	5:49	5:59	7:10	1:22	4:46	7:31	8:44
22 Isnin	5:49	5:59	7:11	1:23	4:46	7:30	8:44
23 Selasa	5:50	6:00	7:11	1:23	4:46	7:30	8:44
24 Rabu	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:49	5:59	7:11	1:23	4:47	7:31	8:45
5:50	6:00	7:11	1:23	4:47	7:31	8:45
5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:31	8:45
5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:31	8:44
5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:50	6:00	7:11	1:25	4:48	7:33	8:47
5:50	6:00	7:11	1:25	4:48	7:33	8:47
5:50	6:00	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
5:50	6:00	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47



Daulat Tuanku

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM

sempena

Pertabalan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17
pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muhamarram 1446H

"Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku"

Sembah takzim daripada

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan & Kakitangan Kumpulan MBI



Air Selangor



#KitaSelangor



MEMACU KEHIDUPAN

RM706,305 jaya pembangunan tani

KUALA LANGAT - Peruntukan RM706,305 disediakan Kerajaan Negeri menerusi Insentif Pertanian yang membawa manfaat kepada 65 penerima.

Majlis penyerahan insentif itu disempurnakan EXCO Perumahan Borhan Aman Shah sempena Karnival Agrogreen dan Hari Rendah Karbon di Dataran Pantai Batu Laut di sini pada 13 Julai.

Insentif terlibat termasuk projek pembangunan tanaman kontan, tanaman buah-buahan, sayuran dan teknologi fertigasi dan projek pembangunan tanaman ternakan.

Selain itu, geran pemadanan peningkatan kapasiti dan pembangunan produk hilir pertanian merangkumi naik taraf premis, penjenamaan serta pembungkusan.

Pusat lelongan beroperasi Ogos

KUALA LANGAT - Pusat Lelongan Agro Selangor (PLAS) seluas dua ekar yang menampilkan pelbagai produk pertanian keluaran usahawan tempatan dibuka di Sijangkang.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim memberitahu premis itu dijadual beroperasi mulai Ogos yang menyediakan produk antaranya daging, ikan, sayuran dan buah.

Beliau menjelaskan pusat berkenaan diilham dalam lawatan kerjanya di Jepun dan Korea selepas mendapati konsep lelongan antara kaedah paling berkesan.

"Apabila adanya lawatan kerja di Jepun dan Korea, kita melihat konsep pusat lelongan ini antara kaedah paling berkesan dan mengambil keputusan membukanya di Sijangkang.

"Pusat ini menggunakan sistem bidaan manual dan dalam talian iaitu internet kebendaan (IoT) bagi memudahkan usahawan membida produk," katanya selepas meninjau pusat itu pada 12 Julai.

Adam Saffian terajui Air Selangor

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengumumkan pelantikan Adam Saffian Ghazali selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu berkuat kuasa 15 Julai.

Air Selangor menerusi kenyataan memaklumkan pelantikan Adam Saffian itu menggantikan Pemangku CEO Abas Abdullah yang berkhidmat dari 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2024.

Beliau berpengalaman 24 tahun dalam industri perkhidmatan air dan utiliti serta memegang pelbagai jawatan penting antaranya CEO Aliran Ihsan Resources Berhad, serta CEO Alam Flora Sdn Bhd.

Beliau juga merupakan lulusan Ijazah Sarjana dalam Cukai Gunaan University of New South Wales serta Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) University of Technology Sydney.

Anjur 131 program basmi rasuah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berbelanja RM455,054 bagi mengadakan 131 program pembasmian rasuah dalam kalangan penjawat awam dan belia setakat 2022.

EXCO Belia Najwan Halimi berkata program dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pejabat daerah dan tanah, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan agensi negeri.

"Kerajaan Negeri mewujudkan hubungan langsung dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Selangor untuk mengambil langkah pencegahan dan penguatkuasaan terhadap jenayah rasuah.

"Melalui kerjasama ini, pelbagai kursus, seminar, bengkel, taklimat dan edaran risalah berkaitan salah laku rasuah turut dilaksanakan," kata beliau pada 10 Julai.

Katanya, Ikram Bebas Rasuah meliputi pemimpin masyarakat termasuk ahli majlis, pengurus jawatankuasa pembangunan dan keselamatan Selangor, penggerak belia dan wanita berdaya

juga dibuat.

Najwan memaklumkan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dijalankan secara berkesan dan berintegriti bagi membendung salah laku rasuah.

Beliau berkata pentadbiran Selangor juga unit integriti bagi memudahkan penyaluran aduan melibatkan penjawat awam melalui e-mel, talian telefon, faksimili, surat atau datang ke sana.

Lantik 373 pemimpin JPKK

Ketua kampung urus program kebajikan

Oleh **FITIRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Kerjasama sesama pemimpin masyarakat penting untuk memastikan setiap maklumat berkaitan inisiatif negeri sampai kepada orang ramai, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ketua meliputi 373 perkampungan perlu menyelaras setiap program kebajikan yang disalur Ahli Dewan Negeri (ADN) kepada penduduk setiap kawasan.

Beliau menjelaskan sebahagian 46 program kebajikan untuk rakyat yang disediakan pentadbiran negeri memerlukan proses pendaftaran sebelum semakan dan agihan bantuan dibuat.

"Kalau harapkan ADN buka pusat khidmat untuk orang daftar, kurang berkesan. Ketua kampung perlu membantu dengan menyalur maklumat program yang manfaatnya harus dinikmati," katanya.

Beliau menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan

nan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di sini pada 15 Julai.

Amirudin turut mengingatkan ketua kampung supaya memelihara hubungan harmoni dengan pegawai daerah bagi memudahkan program pembangunan dirangka mengikut keperluan penduduk.

"Hubungan dua hala untuk memastikan isu pendaftaran, penyelenggaraan, situasi, keadaan di kampung dan program balai raya ditambah baik dan disampaikan kepada Kerajaan Negeri," katanya.

Peluang kerja di pelabuhan ketiga

SHAH ALAM - Pembangunan pelabuhan ketiga di Pulau Carey melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dijangka mewujudkan lebih 100,000 peluang kerja kepada penduduk setempat termasuk Orang Asli.

EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparai berkata masyarakat Orang Asli di pulau berkenaan juga bakal menikmati

sistem rangkaian perhubungan, prasarana dan utiliti yang lebih baik.

"Projek ini meningkatkan pelancongan, pembangunan infrastruktur dan merancakkan ekonomi apabila pembangunan siap kelak," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 10 Julai.

Beliau memberitahu Kerajaan Negeri

membantu meningkatkan taraf hidup mereka melalui tujuh fokus utama antaranya tanah, pendidikan, prasarana, ekonomi, kebudayaan dan kesihatan.

"Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asli bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli Selangor bagi mengadakan program berpandu tujuh fokus itu demi membantu mereka," katanya.

PLATS ajar peniaga guna chatGPT

SHAH ALAM - Pemilik restoran Dapur Mala percaya perniagaannya mula melonjak selepas menerima bimbingan dalam Program Latihan Pembangunan Usahawan Plats (U-PLATS).

Pemenang Anugerah Usahawan Mikro Selangor memberitahu premisnya dikenali ramai melalui aplikasi TikTok yang diajar dalam latihan itu meski beliau mulanya malu untuk melakukannya.

Muhammad Aminuddin Syubli Mahmud, 32, mengakui teruja apabila restoran-

nya mendapat sambutan pelanggan melalui aplikasi tersebut menyertai Platform Selangor (PLATS) tahun lalu.

"Dengan adanya PLATS, mereka ajar menggunakan kandungan di TikTok, guna nirtunai, guna chatGPT. Bila saya praktik siaran langsung TikTok saya meningkat hingga 70,000 tontonan."

"Maklum balas saya dapat daripada pelanggan, mereka tahu kedai saya daripada aplikasi TikTok. PLATS memang banyak membantu," katanya.



Beliau yang menyertai PLATS melalui Majlis Daerah Sabak Bernam juga mengakui tidak menyangka terpilih merangkul anugerah utama itu dengan membawa pulang trofi serta wang tunai RM5,000.

Aminuddin turut menyeru peniaga kecil memanfaatkan bantuan Kerajaan Negeri bagi mengembang perniagaan mereka.

Beliau menerima anugerah tersebut sempena Malam Anugerah Platform Selangor (MAPS) anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) di sini pada 12 Julai.

SOKONG INISIATIF ESG, PENGHIJAUAN MALAYSIA



KSSB TANAM 300 ANAK POKOK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

SHAH ALAM – Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengambil langkah proaktif dalam menyokong inisiatif Penghijauan Malaysia melalui penanaman 300 anak pokok.

Inisiatif itu merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan oleh KSSB dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada 5 Jun setiap tahun.

Bertemakan "It's Time for Change, Invest in ESG", kempen itu bukan sekadar menyokong inisiatif RS-1 yang bertujuan membangunkan kelestarian negeri Selangor serta menjadikannya sebagai negeri bebas karbon dan pertumbuhan hijau yang pesat, malah ia juga menunjukkan komitmen syarikat dalam mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam operasi KSSB.

Penanaman anak pokok itu bukan sahaja dilakukan di kawasan pejabat, malah turut melibatkan hampir 300 kakitangan KSSB dan anak syarikat yang menerima anak pokok setiap seorang untuk ditanam di sekitar kawasan perumahan masing-masing.

Penglibatan KSSB dan anak syarikat yang lain membuktikan sokongan padu terhadap Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok menjelang tahun 2025 yang sedang giat dijalankan di seluruh negara.

Ia juga menunjukkan kesungguhan syarikat dalam menyumbang kepada usaha penghijauan nasional.

Ketua Jabatan HSE KSSB, Nadzli Ahayalimudin berkata, pihaknya percaya setiap syarikat mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada kesejahteraan alam sekitar dan masyarakat.

"Justeru, kempen dan penanaman anak pokok ini adalah manifestasi serta komitmen kami terhadap prinsip ESG dan usaha penghijauan negara yang sedang giat dijalankan," katanya.

KSSB juga berharap agar kempen berkenaan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja dan masyarakat tentang kepentingan ESG dan pemuliharaan alam sekitar.

Jelasnya, syarikat juga berharap inisiatif itu akan mencetuskan perubahan positif dalam amalan perniagaan dan gaya hidup masyarakat ke arah kelestarian.



Barisan pihak pengurusan KSSB melaksanakan simbolik penanaman anak pokok di pekarangan Ibu Pejabat KSSB di Shah Alam sebagai sokongan terhadap kempen yang dijalankan



Nadzli (kanan) bersama kakitangan KSSB semasa taklimat berkaitan kepentingan Program Penghijauan Malaysia dan Manfaat Pokok kepada Alam Sekitar



Pemberian anak pokok kepada kakitangan KSSB sebagai sokongan terhadap Kempen Penanaman 100 Juta Pokok



Kakitangan KSSB bersama wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia selepas melakukan demonstrasi penanaman anak pokok

Edar buku pelan tindakan wanita

SHAH ALAM - Buku Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024 hingga 2026 diedar kepada semua wakil rakyat dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 11 Julai.

Buku bertema Wanita Maju, Selangor Makmur setebal 51 muka surat itu dilancarkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 31 Mei.

Mengumumkan perkara itu, Timbalan Speaker DNS Mohd Kamri Kamaruddin berkata naskhah itu dokumen bergerak bagi usaha pemberdayaan wanita bawah portfolio EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari.

Sebelum ini, Amirudin menjelaskan dasar dan pelan tindakan itu meliputi lima titik tumpuan dan tujuh matlamat yang menyentuh setiap aspek serta pembangunan wanita.

Peluang 900 wanita dapat RM1,000

SHAH ALAM - Permohonan insentif MamaKerja berjumlah RM1,000 kepada ibu bekerja di Selangor masih dibuka bagi memenuhi sasaran 5,000 penerima, kata EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari.

Beliau memberitahu seramai 4,042 ibu bekerja menerima bantuan setakat Mei yang bertujuan meringankan kos pengjagaan anak selain galakan wanita kekal dalam sektor pekerjaan.

Katanya, sebanyak 6,094 permohonan diterima dan 4,042 menerima bantuan yang disalur ke akaun bank masing-masing manakala 2,052 permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelayakan.

Permohonan boleh dibuat menerusi aplikasi SELangkah atau laman sesawang mamakerja.selangkah.my. Sebarang maklumat hubungi Selcare 1-800-22-6600 atau e-mel info@selcare.my

Kaedah digital salur bantuan SMUE

SHAH ALAM - Selangor meneliti tatacara pengagihan bantuan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) menggunakan kaedah digital supaya lebih berkesan sekali gus memastikan prosesnya lancar.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menjelaskan kaedah baharu bermula akhir tahun lalu perlu dipantau sebaik-baiknya terutama dari aspek penggunaan teknologi maklumat.

"Pendaftaran dan penebusan dalam talian mengurangkan beban (ke-sesakan) di pusat khidmat masyarakat," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 11 Julai.

Menjawab soalan tambahan wakil rakyat Permatang Nurul Syazwani Noh, beliau berkata 263,141 orang mendapat manfaat SMUE tahun lalu manakala 6,331 keluarga menerima khairat kemati-

Catat 10,000 kes kesihatan mental

SHAH ALAM - Sebanyak 10,459 kes gangguan mental dirujuk ke klinik kesihatan daerah seluruh Selangor dari 2020 hingga 31 Mac 2024, kata EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau menjelaskan sebanyak 1,858 kes dicatat pada 2020 diikuti 2021 (1,942), 2022 (2,065), 2023 (2,297) manakala setakat 31 Mac tahun ini, 2,297 kes dilapor.

"Bilangan kes mental yang stabil dan meneruskan rawatan di klinik kesihatan bagi trend empat tahun lebih kurang sama bagi negeri ini."

"Klinik Klang merawat pesakit tertinggi iaitu lebih 500 kes setahun diikuti

Petaling (lebih 400 pesakit) dan Sepang (lebih 300 pesakit)," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 11 Julai.

Katanya, penyebab gangguan kesihatan mental antaranya faktor genetik dan personaliti seperti tahap ketahanan mental yang rendah menyebabkan individu sukar menguruskan cabaran hidup.

"Cabaran hidup yang dihadapi termasuk isu kewangan, keluarga dan rumah tangga, kesihatan fizikal, persekitaran perumahan yang tidak menyokong serta isu kerjaya dan tempat kerja."

"Selain itu, tanggapan terhadap kesihatan mental. Keadaan ini menyumbang kepada keengganinan individu terjejas kesihatan mental untuk mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan," katanya.

Jamaliah menjelaskan program Selangor Mental Sihat (SEHAT) diperkenal sejak 2021 bagi menangani isu kesihatan mental dalam kalangan penduduk.

"Hab SEHAT di setiap daerah bermula tahun ini sebagai projek rintis iaitu dengan menyediakan khidmat kaunselor yang memberi kaunseling setiap Sabtu untuk tempoh tiga jam," katanya.

Ringan beban ibu bapa

Tawar kursus jaga anak lumpuh otak

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Selangor negeri terawal menawarkan program khusus kepada penjaga orang kurang upaya (OKU) kategori fizikal lumpuh otak, kata EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari.

Katanya, penubuhan Unit Penjagaan Palsi Serebrum (CPCU) tercusus berikutan kepayahan ibu bapa menjaga dan membesar anak istimewa itu tanpa bantuan khusus mana-pihak.

"Untuk membesar anak-anak ini

memerlukan kos tinggi. Kebanyakan penjaga memilih untuk tidak bekerja kerana beban menjaga agak berat."

"Saya melihat dengan penuh empati. Intervensi ini diharap dapat ringankan beban. Konsep Selangor untuk menjadi negeri berdaya huni, menjadi dukungan untuk warga rentan," katanya.

Beliau melancarkan program CPCU bawah Jabatan Anak Istimewa Selangor (ANIS) dan Yayasan Warisan Anak Selangor di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 12 Julai.

Anfaal menjelaskan inisiatif dalam tiga fasa itu melibatkan latihan pemerkasaan penjagaan anak lumpuh otak,

perkhidmatan pinjaman peralatan serta rawatan.

Beliau menambah tiga siri fasa pertama akan dianjur di daerah terpilih dengan setiap siri melibatkan 30 ibu bapa atau penjaga mulai bulan depan.

"Syarat untuk menyertai program ini adalah anak lumpuh otak berumur 18 tahun ke bawah, ibu atau bapa atau penjaga pengundi di Selangor dan ada kad OKU," katanya.

Permohonan boleh dibuat menerusi www.anisselangor.com/cpcuanis mulai 15 Julai jam 3 petang. Maklumat lanjut boleh diajukan melalui e-mel jabatananis@yawas.my

Warga emas teruja temui Raja Muda

KUALA SELANGOR - Penduduk sekitar Kampung Permatang di sini teruja berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Baginda yang mencemar duli sempena siri Gagasan Rumpun Selangor bersantap di Warung Ketupat Kampung Permatang dan disaji juadah tradisional antaranya sate, serunding dan rendang.

Pengusaha warung tersebut Azian Mahmud, 65, tidak dapat menyembunyikan kegembiraan apabila dimaklumkan Baginda berkenan berkunjung ke situ.

"Ketupat dan sate kerang antara tumpuan di warung ini. Jika cuti umum dan hari minggu, 1,000 ketupat habis terjual kerana warung ini tumpuan

orang awam sejak tular di laman sosial.

"Justeru, apabila dimaklumkan Raja Muda Selangor berkenan mencemar duli, saya teruja kerana dapat bersua muka dengan Baginda," katanya pada 10 Julai.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Permatang Mohd Za'ba Muda, 63, menyifatkan Tengku Amir Shah mesra rakyat dan mudah didekati.

"Saya ada hadir ke istana atas jemputan sebagai pengerus JPKK tetapi tidak pernah jumpa Baginda. Apabila dapat peluang, saya lihat Baginda sangat mesra menyantuni rakyat," katanya. Warga emas Abdul Halim Idris, 63,



jugak gembira dapat membuat persembahan dabus bersama rakan-rakan di hadapan Raja Muda Selangor, apakah lagi mereka mendapat pujian.

"Sebelum ini, kumpulan dabus ini buat persembahan kebudayaan negeri sahaja tetapi apabila dapat peluang begini kami sangat gembira. Baginda juga puji persembahan ini," katanya.

Gagasan Rumpun Selangor diperkenal Kerajaan Negeri bagi memperkuuh semangat perpaduan nasional dan sistem masyarakat dengan menjelajah ke sembilan daerah.

Bermula Februari lalu, program dengan peruntukan RM4.5 juta dimulakan di Hulu Selangor diikuti Hulu Langat, Sepang dan Petaling diikuti Kuala Selangor.





Raja berwibawa

Diputerakan pada 22 November 1958 di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Sultan Ibrahim mula mendapat pendidikan asas di Taman Didikan Kanak-Kanak Tunku Ampuan Mariam, Johor Bahru.

Putera sulung Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan Almarhumah Enche'

Besar Hajah Khalsom Binti Abdullah itu kemudiannya bersekolah di Sekolah Temenggong Abdul Rahman (1) Johor Bahru.

Baginda turut mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Ayer



Molek, Johor Bahru.

Pada 1968 hingga 1970, Sultan Ibrahim belajar di Sekolah Trinity Grammar, Sydney, Australia sebelum ke Maktab Sultan Abu Bakar dari 1971 hingga 1975.

Kerjaya ketenteraan Baginda bermula dengan menjalani latihan ketenteraan di Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA) di Kota Tinggi dan dilantik sebagai platoon komander sebelum mengikuti latihan ketenteraan pegawai muda di Fort Benning, Georgia, Amerika Syarikat.

Ketika inilah bakat kepemimpinan Sultan Ibrahim mula diasah sekali gus membina semangat juang, disiplin serta perwatakan yang berwibawa.

Dalam latihan ketenteraan di Fort Benning, Baginda menjalani latihan 'airborne' dan 'ranger' untuk pegawai infantri.

Semangat ketenteraan yang tinggi mendorong Baginda meneruskan latihan pasukan khas Amerika dan Pathfinder di mana, Baginda membuat 19 terjunan payung terjun, lapan daripadanya pada waktu malam.

Baginda kemudian dipilih dan ditauliahkan sayap seterusnya mendapat pengiktirafan sebagai seorang komando.

Latihan juruterbang

Pencapaian membanggakan itu turut membolehkan Baginda ditauliahkan sebagai anggota pasukan SEAL (tentera darat, laut dan udara).

Baginda juga melakukan beberapa penerjunan di Bandung, Indonesia sebelum ditauliahkan sebagai ahli kehormat Komando Pasukan Khusus (KOPASSUS), Indonesia.

Sultan Ibrahim pernah menjalani latihan juruterbang helikopter bersama Tentera Udara Diraja Malaysia dan dikurniakan serta menerima sayap pada 26 April 1982 daripada Almarhum Sultan Iskandar.

Baginda turut menjalani latihan tentera laut di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut, Perak melengkapkan kemahiran Baginda sebagai pegawai tentera darat, laut dan udara.

Selain latihan ketenteraan, Baginda meneruskan pelajaran di Sekolah Undang-undang dan Diplomasi Fletcher di Universiti Tufts di Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat.

Baginda melengkapkan dua kursus iaitu 'Southeast Asian Strategic Studies' dan 'International Law of the Seas' – sebagai persediaan menjadi seorang raja berwibawa dan dihormati.

Sultan Ibrahim juga pernah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor dan ditempatkan di pelbagai jabatan bagi mempelajari aspek-aspek pengurusan serta selok-belok pentadbiran negeri.

Baginda pernah berkhidmat di jabatan seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Perbendaharaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pertanian.

Baginda dimasyhurkan sebagai Tunku Mahkota Johor pada 3 Julai 1981. Pada 22 September 1982, Baginda diijab kabul bersama Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah.

Selepas Raja Zarith Sofiah menamatkan pengajian sarjana muda di Universiti Oxford, United Kingdom, Baginda berdua bersemayam di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada 1983.

Pasangan diraja ini dikurniakan lima putera dan seorang puteri.

Pada 25 April 1984 hingga 25 April 1989, Sultan Ibrahim, sebagai Tunku Mahkota Johor ketika itu, dilantik sebagai Pemangku Sultan semasa Almarhum Sultan Iskandar menjalankan tugas Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong kelapan.

Sultan Ibrahim bersama Raja Zarith Sofiah tidak pernah menganggap tanggungjawab kepada rakyat jelata sebagai beban, malah Baginda berdua sentiasa melaksanakannya dengan penuh amanah dan ikhlas, di samping mengimbangi tanggungjawab kepada keluarga.

Semangat dan nilai-nilai kebertanggungjawaban serta dedikasi kepada tugas diterapkan dalam diri Sultan Ibrahim sejak usia muda oleh ayahanda Baginda, Almarhum Sultan Iskandar.

Malah, nenda Baginda, Almarhum Sultan Ismail turut banyak menurunkan bimbingan dan ilmu bagi membentuk cucundanya menjadi seorang Raja yang berwibawa.

Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Johor pada 23 Januari 2010 selepas kemangkatan Almarhum Sultan Iskandar, dan dimahkotakan di Istana Besar, Johor Bahru pada 23 Mac 2015.



Foto Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

Penggiliran Agong

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Jawatan Yang di-Pertuan Agong disandang bergilir-gilir berdasarkan pemilihan dalam kalangan sembilan raja negeri-negeri Melayu sejak kemerdekaan negara pada 1957.

Penggiliran raja negeri sebagai ketua bagi Persekutuan Malaysia ditetapkan menurut tatacara termaktub dalam Jadual Ketiga Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja.

Bermula Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan, seramai 16 raja menyandang jawatan tertinggi negara sejak 67 tahun lalu. Ketua negara ke-17, Sultan Ibrahim dipilih mengikut tatacara itu menerusi Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-263 (Khas), Oktober tahun lepas.

Mesyuarat itu dipengerusikan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan dihadiri semua pemerintah negeri-negeri Melayu kecuali Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V.

Baginda menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah melafaz sumpah jawatan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 31 Januari.

Sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong pada 20 Julai, Selangorkini menyorot tatacara pemilihan ketua negara ini yang

unik berdasarkan portal Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Ciri kelayakan

- Hanya raja-raja yang boleh dipilih selepas raja itu memberi perkenan untuk dipilih
- Sekiranya seorang raja tidak dapat berangkat dalam majlis pemilihan, seorang raja lain hendaklah dilantik oleh raja itu dan layak mengundi sebagai proksi
- Lazimnya raja paling kanan dari segi pemerintahan dipilih. Peraturan ini tidak lagi dipakai selepas semua raja dari negeri-negeri dipilih Yang di-Pertuan Agong. Senarai diguna sekarang berpandukan kepada kekananan negeri yang rajanya dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong

Tidak layak dipilih

- Raja itu belum dewasa
- Raja itu memberitahu Penyimpan Mohor Besar Raja-raja bahawa Baginda tidak berhasrat dipilih atau
- Majlis Raja-Raja mengambil ketetapan dengan undi sulit bahawa raja itu tidak sesuai menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong disebabkan kelemahan akal atau tubuhnya, atau kerana apa-apa sebab lain. Ketetapan ini memerlukan undi sekurang-kurangnya lima raja

Sebelum pemilihan

- Mendapatkan perkenan tarikh mesyuarat pemilihan
- Sekiranya kekosongan berlaku kepada jawatan Yang di-Pertuan Agong urusan pemilihan hendaklah dibuat tidak lewat empat minggu dari tarikh berlaku kekosongan jawatan itu
- Penyimpan Mohor Besar Raja-raja akan menyembah syarat kepada setiap raja bagi memohon perkenan sama ada Baginda berhasrat dicalonkan untuk dipilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
- Raja-raja yang tidak berhasrat dipilih hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja dan negerinya akan diletakkan di tempat akhir sekali dalam senarai pencalonan pada masa itu

Tatacara pemilihan

- Pemilihan Yang di-Pertuan Agong hanya melibatkan undi sembilan raja-raja Melayu
- Pemilihan secara undi sulit dan kertas undi digunakan tidak bernombor serta ditandakan dengan pen dan dakwat sama yang dimasukkan dalam peti undi
- Kertas undi dimusnahkan sama ada dibakar atau dirincih di hadapan raja-raja sebaik sahaja keputusan undian diiumum
- Raja paling muda dari segi

pemerintahan dan tidak tersenarai sebagai calon Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dipilih mengira kertas undi bersama Penyimpan Mohor Besar Raja-raja

Proses pemilihan

- Penyimpan Mohor Besar Raja-raja membekalkan satu kertas undi setiap raja dan setiap raja diminta menandakan pendapatnya sama ada raja yang paling kanan (satu nama sahaja) sesuai atau tidak sesuai dipilih Yang di-Pertuan Agong
- Calon mesti mendapat majoriti lima undi sebelum raja yang mempergerusikan mesyuarat pemilihan menawarkan jawatan Yang di-Pertuan Agong kepada Baginda. Jika raja yang berjaya tidak menerima tawaran ataupun raja itu gagal memperoleh undi majoriti, proses pengundian semula akan dijalankan dengan mencalonkan nama raja yang kedua dalam senarai kekananan yang layak dipilih untuk diundi
- Proses hanya selesai selepas Baginda menerima tawaran jawatan. Selepas itu, majlis akan mengisyiharkan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan memegang jawatan itu bagi tempoh lima tahun



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM**

sempena

Pertabalan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17

pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muhamarram 1446H

**“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”**

sembah takzim daripada

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan
Serta Kakitangan





Diiring Menteri Pertahanan Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Sultan Ibrahim sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia melawat Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur pada 26 Mac



Agong bertitah merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Kuala Lumpur pada 26 Februari. Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah turut berangkat pada istiadat berkenaan



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berbual dengan Yang di-Pertuan Agong ketika Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-265 di Istana Negara pada 21 Februari



Sultan Ibrahim menzahirkan kata-kata semangat kepada kontingen negara ke Sukan Olimpik dan Paralimpik Paris 2024 di Istana Negara pada 2 Julai. Turut hadir Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh



Presiden Kesatuan Ulama Sedunia Prof Dr Ali Muhyiddin Ali Al-Qaradagi dari Qatar menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa daripada Agong di Putrajaya pada 7 Julai



Sultan Ibrahim berkenan berbuka puasa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan dua timbalannya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof di Istana Negara pada 18 Mac

Setelah melafaz sumpah jawatan pada 31 Januari, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim terus menjalankan tugas sebagai ketua negara bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam tradisi Raja Berperlembagaan, Baginda berperanan dalam menjayakan pentadbiran negara melalui tiga cabang pemerintahan: eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Selain majlis rasmi, Baginda berkenan melawat kementerian, mencemar duli melawat negeri, menerima ketua negara asing dan beramah mesra dengan rakyat dalam pelbagai majlis.

Sebagai ketua agama Islam persekutuan, Yang di-Pertuan Agong berkenan menganugerah tokoh Maal Hijrah tahun ini, yang disampaikan kepada pemimpin Kesatuan Ulama Sedunia.

Selain foto Bernama, Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar merakamkan sebahagian kegiatan Baginda hingga Julai. Pilihan foto dan keterangan disediakan oleh NADIAH ZAMLIUS.



Yang di-Pertuan Agong menyapa jemaah haji di Pusat Konvensyen Hotel Movenpick, Sepang sebelum mereka berlepas ke tanah suci pada 26 Mei. Turut menemaninya, anakanda Baginda, Tunku Tun Aminah



Penjawat awam gembira menyambut keberangkatan tiba Baginda pada rumah terbuka Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada 8 Mei. Lebih 5,000 tetamu hadir pada majlis tersebut



Sultan Ibrahim bersama 14 penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 17 Julai. Sejak 2006, bantuan itu menaja 212 pelajar pelbagai bidang pengajian



Ribuan menyambut keberangkatan Sultan Ibrahim di Bandar Hilir, Melaka ketika Majlis Jamuan Teh bersama Rakyat pada 14 Jun. Esoeknya, Baginda merasmikan Aset Automotif Klasik Keluarga Diraja Johor



Agong dipersembahkan hibrid orkid baharu pada Hari Lanskap di Shah Alam pada 25 Mei. Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari



Sultan Ibrahim berkenan bergambar bersama 12 ketua perwakilan asing ke Malaysia di Istana Negara pada 9 Julai. Perwakilan itu termasuklah dari Republik Kenya, Bahrain dan Republik Guinea

Warkah persilaan

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR

Menjadi amalan raja-raja, warkah persilaan akan diutus kepada ketua sesebuah negara dan negeri untuk undangan hadir ke istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Tradisi itu bermula sejak pertabalan Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad sebagai ketua negara pertama pada 1957, sekali gus menjadi sebahagian keunikan institusi raja berperlembagaan di Malaysia.

Warisan diraja itu sekali lagi dipraktikkan pada istiadat pertabalan Sultan Ibrahim di Balairung Seri, Istana Negara tanggal 20 Julai ini sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17.

Datuk Paduka Maharaja Lela Datuk Azuan Effendy Zairakhnaini berkata, warkah persilaan menggunakan bahasa Melayu, ditulis jawi dengan tangan dan diletak dalam kapsul khas untuk dipersembah kepada raja-raja dan yang dipertua negeri.

Menurut pegawai istiadat Istana Negara itu, utusan menyampaikan warkah persilaan terdiri daripada Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil yang juga Menteri Pengerusi Jawatankuasa Khas Acara-acara Sempena Istiadat Pertabalan Agong, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri Datuk Awang Alik Jeman merangkap Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan serta Ketua Pegawai Istiadat Kerajaan Datuk Rozainor Ramli dan beliau sendiri selaku wakil Istana Negara.

"Kita berusaha sebaik mungkin untuk menghadap ke bawah duli Baginda secara penuh tertib dan santun, untuk menyembahkan warkah persilaan ini dengan penuh adat istiadat," katanya kepada Bernama.

Warkah itu menggunakan laras bahasa istana yang halus sebagai perantaraan dalam kalangan raja-raja yang menitikberatkan penghormatan kepada Baginda sultan lebih tua dan menggunakan panggilan hormat untuk Baginda sultan lebih muda.

Sebanyak 16 warkah persilaan dipersembahkan dan yang terakhir, disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 Julai.

Warkah turut dipersembah kepada Raja Bahrain Sheikh Hamad bin Isa Al-Khalifa. Manakala Sultan Ibrahim sendiri mempersembah warkah persilaan kepada Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Penulis warkah Abdul Baki Abu Bakar, 50, berkata, beberapa jenis khat digunakan dalam penulisan warkah persilaan, antaranya khat nasakh, thuluth dan muhaqqaq bagi menghasilkan tulisan khat jawi kemas, seimbang dan mudah dibaca.

Dakwat import

"Sebelum kita mulakan proses menulis, kita akan berbincang dahulu dengan pihak istana, khat apa yang kita akan gunakan dan saya juga beri cadangan tentang khat yang kebiasaannya digunakan oleh penulis khat di Malaysia.

"Pada warkah ini, kebiasaannya kita akan mulakan dengan basmalah, kemudian ada sepotong ayat al-Quran dan disusuli teks warkah persilaan yang mana kandungannya menjemput sultan atau raja untuk hadir ke istiadat pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Meski sudah 30 tahun bergiat dalam penulisan khat, Abdul Baki berkata tugas itu tidak mudah dan masih mengambil masa kerana perlu memastikan pena dan dakwat digunakan sesuai dengan jenis khat, panjang teks dan ruang warkah.

Ketua Penyelaras Akademi Khat Negeri Pahang Khairi Izat Amir Mohd Izam, 31, menyifatkan

tanggungjawab menyiapkan warkah persilaan sangat besar.

Selain pengetahuan, pengalaman dan kemahiran berkaitan seni khat, Khairi Izat Amir berkata alatan menulis khat juga penting kerana akan menentukan kekemasan dan keindahan warkah itu.

Katanya, kebanyakan penulis khat menggunakan dakwat import dari luar negara seperti Jepun atau Jerman yang lebih sesuai dan berkualiti.

Bagi warkah persilaan itu, beliau lebih selesa menggunakan pena besi kerana senang digunakan, tidak mudah tumpul serta menghasilkan tulisan yang lebih kemas.

Menurut beliau, ada juga penulis khat lebih selesa menggunakan batang resam sebagai pena. Pena itu diambil daripada pokok resam atau spesies paku-pakis yang lazim digunakan menulis al-Quran.

Diolah daripada artikel Bernama bertajuk Sarat tradisi, warkah persilaan undangan ke pertabalan Agong ke-17



Istiadat pertabalan

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17 Sultan Ibrahim pada 20 Julai disempurnakan mengikut adat kesultanan Melayu warisan turun-temurun yang kaya dengan tradisi.

Istiadat indah dan penuh warna warni itu turut disaksikan raja-raja, yang dipertua negeri, kerabat diraja dan tetamu kenamaan termasuk pemerintah negara asing seperti Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah.

Selain itu, pembesar-pembesar negara, pemimpin-pemimpin dan jemputan khas luar negara juga diundang menyaksikan upacara yang bermula 10 pagi di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Datuk Paduka Maharaja Lela, Datuk Azuan Effendi Zairakhnaini, dipetik berkata banyak perkara berkaitan persiapan dan peraturan istiadat pertabalan dipantau Seri Paduka termasuk kad jemputan diberi sentuhan warna biru Tiffany iaitu warna kegemaran Baginda.

Buku kecil bertajuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Payung Negara sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah menjelaskan tradisi pada istiadat pertabalan ketua negara bagi Malaysia.

Pada hari pertabalan, tiupan nafiri bergema apabila Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berangkat masuk ke Balairong Seri, Istana Negara. Baginda berdua didahului Datuk Paduka Maharaja Lela dan panglima membawa alat kebesaran diraja diikuti juruiring.

Yang di-Pertuan Agong mengenakan baju rasmi dinamakan Muskat bercorak awan larat dan bunga raya, memakai tengkolok lipatan Dendam Tak Sudah, bengkung, pending diraja, samping dan keris pendek diraja.

Mengikut Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, terdapat kelainan pada pertabalan kali ini kerana Baginda memilih motif daun gambir dan lada hitam pada songket tengkolok, bengkung dan samping.

Motif dua tumbuhan itu sinonim dengan kesultanan Johor moden.

Gendik diraja

Raja Permaisuri Agong pula memakai gendik diraja diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian berbunga awan larat dan kalung diraja yang boleh ditukar sebagai loket, kerongsang dan anting-anting.

Alat kebesaran lain dibawa bersama ialah cogan agama, cogan alam, cokmar, pedang, keris panjang, sundang diraja, payung ubur-ubur



Foto BERNAMA

kuning dan tombak berambu.

Serentak itu, kumpulan nobat mendendangkan lagu Raja Berangkat. Bagi pertabalan Sultan Ibrahim, nobat diraja Perak atas perkenan Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, mengiringi Seri Paduka.

Sebaik sahaja Baginda berdua bersemayam atas singgahsana, istiadat dimulakan dengan Datuk Paduka Maharaja Lela bersama Datuk Penghulu Istiadat, pegawai istana dan panglima menghadap membawa al-Quran, keris panjang diraja, surat pengisytiharan dan warkah ikrar. Ketika ini, nobat memainkan lagu Menjunjung Duli.

Keris panjang diraja sebagai keris kerajaan menjadi simbol kebesaran dan kekuasaan Yang di-Pertuan Agong.

Singgahsana itu dipahat 99 nama Allah dan berkubah di bahagian atas sesuai dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.

Keris panjang

Apabila sampai di hadapan singgahsana, Datuk Paduka Maharaja Lela menyambut kitab al-Quran daripada Datuk Penghulu Istiadat dan membawanya naik ke atas singgahsana dan menyembahkannya kepada Seri Paduka.

Kemudian Yang di-Pertuan Agong mencium kitab tersebut dan meletakkannya di meja sisi antara Baginda dengan Raja Permaisuri Agong.

Keris panjang diraja, surat pengisytiharan pertabalan dan warkah ikrar pula diletak di atas meja di

TARIKH & LOKASI	PROGRAM
18 Julai, 5.30 petang Masjid Negara	Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat
19 Julai, 1.15 tengah hari Masjid Negara	Khutbah Khas dan Solat Jumaat
20 Julai, 10 pagi Istana Negara	Istiadat Pertabalan
20 Julai, 8.30 malam Istana Negara	Majlis Santapan Diraja
23 Julai, 9.30 pagi Hospital Orang Asli Gombak	Lawatan Raja Permaisuri Agong ke hospital
25 Julai, 11 pagi Muzium Negara	Pameran Raja Kita
27 Julai, 3 petang Istana Negara	Majlis Jamuan Teh Diraja

Sumber kenyataan Menteri Pengerusi Jawatankuasa Khas Acara-acara Sempena Istiadat Pertabalan Agong ke-17 pada 16 Mei 2024

hadapan singgahsana.

Seterusnya, Datuk Paduka Maharaja Lela mempersilakan perdana menteri membaca surat pengisytiharan pertabalan.

Selepas perisytiharan dibaca, Datuk Paduka Maharaja Lela menyembah keris panjang diraja kepada Yang di-Pertuan Agong.

Baginda menerima keris kerajaan itu dan menghunus serta mengucup keris berkenaan. Kemudian Baginda menerima warkah ikrar serta melafazkan:

“Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Beta telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini Beta akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia mengikut undang-undang dan Perlembagaan Negara serta memelihara dengan sempurna setiap

masa, agama Islam dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara.”

Selepas pembacaan warkah ikrar, nobat bergema dengan lagu Raja Bertabah diikuti dengan laungan ‘Daulat Tuanku’ tiga kali berturut, diketuai Datuk Paduka Maharaja Lela diikuti hadirin di Balairong Seri, Istana Negara.

Tembakan meriam 21 das dimulakan dan serentak dengan itu lagu Negaraku dimainkan. Kemudian perdana menteri menyembah ucapan tahniah dan taat setia daripada kerajaan dan rakyat Malaysia.

Selepas ucapan beliau, Seri Paduka akan menyampaikan titah ucapan serta disudahi dengan baca doa selamat oleh pegawai agama Istana Negara.



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM

sempena

Pertabalan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17
pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”

sembah takzim daripada

Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis
Serta Seluruh Warga Kerja Majlis Bandaraya Diraja Klang



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM

sempena

Pertabalan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17
pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”

sembah takzim daripada

Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis
Serta Seluruh Warga Kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat





Anwar (tengah) dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (empat, kiri) bersama pemenang Anugerah Kecemerlangan Felda sempena sambutan Hari Peneroka Felda 2024 di MAEPS Serdang, Subang Jaya pada 14 Julai. Foto BERNAMA

Pakar dunia puji pembaharuan Anwar

Fokus sektor nilai tinggi

SHAH ALAM - Usaha Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menarik pelaburan sektor bernilai tinggi membawa kesan ketara kepada Malaysia dan rantau Asia, menurut Forbes Magazine.

Majalah terkemuka dunia itu merujuk bidang fabrikasi semikonduktor dan teknologi digital, mempercepat kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan kemudahan perniagaan.

Menurut Benjamin Laker, pakar ekonomi terkenal dalam majalah itu, Malaysia memberi tumpuan kepada sektor berpotensi mencatat pertumbuhan tinggi dan kemajuan teknologi, lapor Bernama.

"Malaysia menyasar meningkatkan rantaian nilai global dan mendorong ekonomi lebih dinamik dan berdaya saing," kata profesor kepimpinan di Henley Business School, University Reading itu.

Beliau percaya langkah menggalakkan kualiti pelaburan tertumpu terhadap produktiviti buruh menerusi automasi dan peningkatan perbelan-

jaan untuk penyelidikan dan pembangunan.

Katanya, inisiatif itu bertujuan mewujudkan ekonomi yang lebih berteras inovasi, mengurangkan pergantungan kepada buruh berkemahiran rendah dan meningkatkan produktiviti keseluruhan.

"Pembaharuan ini beri kesan ketara kepada Malaysia dan rantau Asia yang lebih luas," katanya memuji pendekatan Anwar yang mengoptimum kos termasuk penyelarasan subsidi dan perkhidmatan awam.

Laker menyifatkan perubahan melibatkan penjawat awam baharu kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja suatu langkah penting yang dijangka mengurangkan kos pencen jangka panjang.

Namun, beliau juga mengingatkan terdapat wujud potensi halangan antaranya usaha menyasar semula subsidi petrol dan kos sara hidup tinggi yang dikaitkan pemotongan kemudahan tersebut.



Rumah Berkembar dan Banglo
3 Tingkat Dengan Lif



Serlahkan keperibadian anda di Residensi Polo, menampilkan sebuah pintu keluar-masuk dengan persiaran selapang 50', di samping jalan mati pada setiap lorong perumahan untuk menekankan lagi faktor keselamatan.

DIBANGUNKAN OLEH
MAYANG TIASA
PROPERTY DEVELOPMENT

KETAHUI LEBIH LANJUT

www.yajuestates.com/the-polo

+6013 896 1988
<https://wa.link/z966hr>



Pengaju Mayang Tiasa Sdn Bhd - Alamat Pomoja No. 1, Jalan Polo 10/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Tel: +603 6150 2629 - No. lesen Pemoja: 2024-07-2027/0123(A) - Tempoh Sah: 18/07/2022 - 17/07/2027. (FASA 1) No. Permit Pengalihan dan Jadual: 30124-2-10-2025-II/7E(A)-1(L) - Tarikh Sah: 25/10/2023 - 24/10/2025. Pihak Berkuasa: MrtB Bandar dan Pradiksi Jaya - Nombor Pengalihan: MBP/120100/T/10/169/2022 (7) - Pegangan Tanah: Pojokan 99 Tahun (Tarikh Luput: 06/08/2022) - Cadangan Tanah: RHB Bank - Tarikh Dijangka Siap Membebaskan: Okt. 2025 - Jenis Pembangunan: (FASA 1) Rumah Berkembar 3 Tingkat; Jumlah Unit - 82 unit (Blok 50 Unit); Luas Binaan: Jenis A1 - 4,155.08 kps (386,02 mps) & 4,149,70 kps (385,52 mps); Jenis A2 - 4,246,68 kps (394,55 mps) & 4,241,30 kps (394,05 mps); Jenis A3 - 4,354,11 kps (404,51 mps); Jenis A4 - 4,676,16 kps (434,43 mps); Harga Jualan: RM5,596,58 (min.) - RM5,542,800 (max.). (FASA 1) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah - 5 unit (Blok: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis Bl: 4,480,15 kps (416,22 mps) & 4,833,53 kps (449,05 mps); Jenis B2: 5,097,78 kps (473,60 mps); Jenis B4: 4,833,53 kps (449,05 mps); Harga Jualan: RM4,714,800 (min.) - RM5,873,800 (max.) - 7% Diskaun Bumiputera (Terlukuk pada kuota). - Sebahagian tanah dalam kompleks ini adalah tanah yang dilindungi (TAN) (FASA 2) dan Pihak Berkuasa akan mengambil tindakan sesuai dengan undang-undang yang berkuatkuasa. (FASA 2) Rumah Berkembar 3 Tingkat; Jumlah Unit - 92 unit; Luas Binaan: Jenis A1 - 4,155,08 kps (386,02 mps) & 4,149,70 kps (385,52 mps); Jenis A2 - 4,246,68 kps (394,55 mps); Jenis A3 - 4,354,11 kps (404,51 mps); Jenis A4 - 4,676,16 kps (434,43 mps); Harga Jualan: RM3,614,800 (min.) - RM6,577,800 (max.). (FASA 2) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit - 3 unit; Luas Binaan: Jenis Bl - 4,480,15 kps (416,22 mps); Jenis B2 - 5,097,78 kps (473,60 mps); Jenis B3 - 4,336,99 kps (402,92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM5,694,800 (max.) - 7% Diskaun Bumiputera (Terlukuk pada kuota). - Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digunakan setelah mendapat kebenaran Pihak.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Maklumat di sini adalah terlukuk kepada peraturan dan tidak boleh membentuk tawaran atau kontrol, dan semua paparan adalah tanggapan ortis sahaja. Pemaju berhak untuk mengubah suai mana-mana bahagian atau bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diarahan dan/atau diluluskan oleh arkitek dan/atau pihak berkusa yang berkaitan. Walauupun setiap penjagaan yang munasabah telah diambil dalam menyediakan penerbitan ini, pemaju tidak boleh dipertangungjawabkan untuk sebarang ketidakupayaan.

Pakej prabayar siswa RM30 untuk 180 hari

SHAH ALAM - Kementerian Komunikasi mengumumkan Pakej Rahmah Prabayar Siswa pada harga tidak lebih RM30 dengan minimum permulaan data 30GB untuk tempoh sah laku 180 hari.

Menterinya Fahmi Fadzil berkata pakej itu khusus untuk pelajar yang mengikuti pelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) terpilih.

"Pakej ini boleh dilanggan mulai 16 Ogos depan menerusi lima syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi, iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM Tech dan YTL Communications (YES).

"Tawaran ini hasil perluasan Pakej Internet Mudah Alih (prabayar) Rahmah yang diperkenal tahun lalu," katanya di Putrajaya seperti dilapor Bernama pada 16 Julai.

Beliau memberitahu pakej itu boleh dilanggan pelajar IPTA dan ILKA sebelum diperluas kepada institusi lain, tertakluk kepada perbincangan dengan syarikat telekomunikasi tersebut.

Maklumat lanjut pakej tersebut akan diumumkan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi. Senarai lengkap IPTA dan ILKA terpilih dipaparkan dalam pautan www.komunikasi.gov.my

Mekanisme gaji baharu pada Ogos

SHAH ALAM - Mekanisme pelaras gaji penjawat awam diumumkan serentak pelancaran Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) pada Ogos.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dr Zaliha Mustafa, perkara itu akan dimaklumkan sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19, lapor Bernama.

"Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan pelaksanaan SSPA yang menjelaskan mekanisme itu," katanya di laman sesawang Parliment.

Beliau menjawab soalan wakil rakyat Pagoh Tan Sri Muhyiddin Yassin berkaitan mekanisme kenaikan gaji penjawat awam.

Pada 1 Mei, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelaras gaji melibatkan kenaikan lebih 13 peratus, tertinggi dalam sejarah. Kali terakhir pada 2012.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Dr Adnan Mat berpuas hati dengan kadar pelaras gaji itu.

Beliau percaya hasrat kumpulan ter-

bawah terutama penjawat awam gred rendah mendapat sekurang-kurangnya RM2,000 tercapai.

Beliau juga menyarankan kakitangan kerajaan yang dilepaskan daripada senarai muflis memanfaatkan peluang supaya memperbaiki kedudukan kewangan.

"(Dasar itu) juga satu bentuk ihsan daripada kerajaan sendiri yang jelas mengambil kira dan peduli kekangan dihadapi penjawat awam," katanya pada 10 Julai.

Melalui Dasar Peluang Kedua, Jabatan Insolvensi Malaysia melepas individu muflis dengan syarat tertentu.

Sedia peruntukan RM100 juta

Tambah prasarana 42 kampung daif

SHAH ALAM - Sebanyak 42 kampung di seluruh negara menerima peruntukan RM100 juta bagi meningkatkan tahap kemudahan

asas di kawasan mereka, kata menteri kewangan II.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan memberitahu program Kampung Angkat Madani antara kaedah bagi memudahkan dan mempercepat pelaksanaan projek kecil, lapor Bernama.

Katanya, kriteria pemilihan berdasarkan kawasan yang liputan kemudahan bawah 50 peratus atau prasarana asas daif dan tidak lengkap serta memerlukan perhatian khusus.

"Setiap kampung menerima agihan dana maksimum sehingga RM2.5 juta. Setakat 10 Julai, Kementerian Kewangan salur RM86.3 juta kepada agensi terlibat meliputi 35 kampung," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Parli-

men Pekan Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali berhubung matlamat pelaksanaan Kampung Angkat Madani dan kriteria pemilihannya di Dewan Rakyat pada 11 Julai.

Amir Hamzah menambah tumpuan diberi kepada projek fizikal antaranya menambah baik jalan, lampu jalan, bekalan air, capaian internet dan membaiki jambatan atau titi.

"Projek bukan fizikal pula seperti bantuan pengesahan di kawasan setempat seperti pendaftaran program bantuan, perkhidmatan saringan kesihatan dan program bimbingan," katanya.

Program tersebut antara inisiatif perdana menteri yang disebut dalam Belanjawan 2024 untuk meningkatkan capaian kemudahan asas.

Harga telur turun

SHAH ALAM - Harga beberapa barang keperluan mencatat penurunan manakala dua kategori lagi mengalami peningkatan ekoran pelaksanaan subsidi diesel bersasar sejak bulan lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata harga yang turun antaranya bawang dan telur manakala harga ayam bersih semakin stabil.

"Jika ingin menyatakan kos sara hidup meningkat disebabkan penyiasaran subsidi diesel sahaja, ini tidak wajar kerana ada faktor lain menyumbang kepada kenaikan tersebut," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Rosol

Wahid berhubung kesan penyelarasan subsidi terhadap kos sara hidup di Dewan Rakyat pada 16 Julai.

Mengakui harga daging dan sayuran naik 0.24 hingga 53.6 peratus, Fuziah berkata kenaikan tertinggi sayur adalah tomato iaitu 53.6 peratus dan cili merah Kulai (17.4 peratus).

Beliau menegaskan peningkatan ketara harga sayuran pada bulan lalu disebabkan cuaca tidak menentu, bukan akibat penyeiaran subsidi semata-mata.

"Kementerian melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dan perkhidmatan sewenang-wenangnya selain memastikan bekalan stabil," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/11/2024	CADANGAN PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI KERJA MEMBAIKPULIH DAN KONSERVASI KAPAL KOREK SRI BANTING, DENGKIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) (330102 - KEJURUTERAAN STRUKTUR) DAN [(330104 - KEJURUTERAAN MEKANIK ALAU 330111 - KEJURUTERAAN NAVAL ARCHITECTURE)] DAN UPEN	RM 500.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh 17 Julai 2024 hingga 14 Ogos 2024 dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor - kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Kontraktor-kontraktor (HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL) adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Pengguna atau wakilnya. Hanya petender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Petender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh	:	24 Julai 2024
Masa Pendaftaran	:	10.00 - 10.30 Pagi
Masa Taklimat	:	10.30 Pagi
Tempat berkumpul	:	Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor
Nota	:	Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menukar No. Tender disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 14 Ogos 2024.

5. Kontraktor-kontraktor yang tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan) dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran tidak berjaya. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



TEKUN... Orang ramai menghadiri temu duga sempena Karnival Kerjaya Jelajah Jobcare Selangor 2024 di Menara BAC, Petaling Jaya pada 17 Julai. Sebanyak 4,169 jawatan kosong daripada 23 majikan ditawarkan dalam program itu bagi membantu orang ramai mendapatkan pekerjaan. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Tahun Melawat Selangor 2025

55 bas promosi destinasi tarikan

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Sebanyak 55 Bas Smart Selangor dilengkapi panel iklan bagi mempromosi lokasi pelancongan menarik seluruh negeri sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO pelancongan memberitahu kempen pengiklanan melalui peruntukan RM250,000 itu melibatkan promosi meliputi sembilan daerah dengan sokongan lima pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurut Dato' Ng Suee Lim, PBT itu adalah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kajang.

"Bas Smart Selangor antara medium pengangkutan awam utama dengan lebih 160 bas beroperasi di seluruh negeri membatikan lebih 50 laluan dan 5.37 juta penumpang direkod tahun lalu.

Ganti rugi pokok tumbang

SHAH ALAM - Mangsa pokok tumbang boleh memohon ganti rugi melalui pihak berkuasa tempatan (PBT), kata Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau memberitahu mangsa hanya perlu menyediakan dokumen penting antaranya bukti bergambar, laporan polis dan tuntutan pampa-san tertakluk kepada keputusan siasatan pihak insurans.

"Tuntuan atau ganti rugi boleh dibuat melalui PBT dan pihak insurans akan jalankan siasatan," katanya dalam program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan di sini pada 14 Julai.

Menjelaskan lebih 1,000 pokok berisiko dikenal

"Ini menjadikan bas itu sebagai medium promosi yang berkesan dalam pengenalan awal terhadap Tahun Melawat Selangor 2025 di pasaran tempatan," katanya pada 11 Julai.

Beliau menghadiri Majlis Pelancaran Iklan Panel Belakang Bas Smart Selangor yang dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di pekarangan Dewan Negeri Selangor di sini.

Menurut Suee Lim, kempen dengan kerjasama Rapid Bus Sdn Bhd itu antara strategi Tourism Selangor melibatkan sektor swasta bagi membangunkan pelancongan supaya lebih berkesan.

Katanya, panel itu memaparkan lokasi tarikan pelancongan antaranya Taman Tema Sunway Lagoon, Kajang Once Upon A Time Heritage Walk, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan SS15 Subang Jaya.

pasti di beberapa lokasi, Mohd Fauzi berkata RM3.4 juta dibelanjakan tahun lalu dan lebih RM1 juta tahun ini bagi mengelak kes pokok tumbang.

"Kerja pemantauan dilakukan panel yang dilantik untuk memastikan pokok di Shah Alam berada dalam keadaan selamat.

"Kita juga ada doktor pokok atau arborist yang akan kenal pasti pokok itu stabil atau tidak serta memberi nasihat sama ada sesuai untuk ditebang atau dicantas," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memaklumkan 1,085 kes pokok tumbang dilapor dalam suku pertama tahun ini. Selangor mencatat bilangan tertinggi iaitu 953 kes.

AirAsia promosi pelancongan negeri

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bakal meterai kerjasama dengan AirAsia Group Bhd bagi mempromosi sektor pelancongan peringkat antarabangsa sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim menjelaskan kerjasama tersebut dijadual berlangsung pada September ini dengan memperaga iklan pada 15 kapal terbang AirAsia.

"Kita yakin melalui langkah ini, sasaran lapan juta pelancong antarabangsa dan domestik melawat ke Selangor mampu dicapai pada tahun depan.

"Tahun ini, kita sasar tujuh juta orang. Setakat suku pertama, kita menarik 1.78 juta. Pelancong tertinggi dari China diikuti Singapura, Indonesia, India dan Jepun," katanya.

Label notis untuk tunggakan bil air

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengesahkan label notis yang tular di media sosial merupakan pemakluman pemotongan bekalan.

Mana-mana pihak yang tiada tunggakan bil tetapi menerima notis tersebut diminta menghubungi 15300 atau aju pertanyaan di Help Centre menerusi www.airselangor.com dan aplikasi Air Selangor.

"Air Selangor ingin memaklumkan bahawa label notis tersebut diguna pakai oleh pihak kami untuk pelanggan yang mempunyai tunggakan bil," tulis agensi berkenaan di Facebook.

Sebelum ini, tular label notis tertulis pemotongan bekalan air berwarna merah yang ada logo Air Selangor selain dilengkapi kod QR.

Air Selangor®
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER		
BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018037-2	PROVISION OF CALIBRATION, MAINTENANCE AND REPAIR SERVICES OF LABORATORY EQUIPMENT FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
2.	PN0000019040	SUPPLY AND DELIVERY OF DATA LOGGER 4G AND NB-IOT WITH ACCESSORIES FOR AIR SELANGOR (2025)
3.	PN0000018612-2	MAINTENANCE AND SERVICING WORKS FOR ONLINE ANALYZER FOR AIR SELANGOR WATER TREATMENT PLANTS (PACKAGE1)
4.	PN0000018406-2	MAINTENANCE AND SERVICING WORKS FOR ONLINE ANALYZER FOR AIR SELANGOR WATER TREATMENT PLANTS (PACKAGE 2)
5.	PN0000018974	UPGRADING OF CHLORINATION SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT AMPANG INTAKE WATER TREATMENT PLANT
6.	PN0000019072	SUPPLY AND DELIVERY OF PRESSURE TRANSIENT RTU AND ACCESSORIES
7.	PN0000019005	PROVISION OF RENTAL OF INDOOR WAREHOUSE BUILDING (APPROX. 10,000 SQFT) FOR AIR SELANGOR FOR A PERIOD OF 5 YEARS
8.	PN0000018958	PROPOSED UPGRADING WORKS AT IWSS LESTARI PUCHONG PUMP HOUSE - PACKAGE 7B
9.	TBA	RENTAL & SERVICE OF DEWATERING EQUIPMENT AS TEMPORARY RESIDUAL TREATMENT SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SG. BATU WATER TREATMENT PLANT

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



DAULAT TUANKU

Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN IBRAHIM

sempena

Pertabalan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17

pada

20 Julai 2024 Bersamaan 14 Muharam 1446H

“Semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala Memberkati Pemerintahan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku”

sembah takzim daripada
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan
Serta Kakitangan



GAMUDA COVE

GAMUDA LAND

MIO SPRING

RUMAH TERES DUA TINGKAT

Luas tanah dari 26'x65' | Luas binaan dari: 2,518 kps

UNIT BUMIPUTERA &
7% POTONGAN HARGA BUMIPUTERA*

Alami gaya hidup moden berinspirasikan Jepun di Mio Spring di mana ia menampilkan reka bentuk biofilik dan kaya dengan biodiversiti.

Berselahan dengan Taman Sentral seluas 60 ekar | Fasad & kemudahan berinspirasikan Jepun | Konsep biofilik | 3m tambahan di bahagian halaman* | Peti surat parcel sedia ada | Konsep susun atur terbuka

*Terikab pada termasuk syarat.
Lakaran Polisik

Hubungi kami untuk maklumat lanjut

Sincere™ Responsible Original

Gamuda Land (T12) Sdn Bhd
Investment Property
Parkeen Cove Sentral,
Sentral, 47100 Kuala Lumpur,
Malaysia

FARCI WORLD PRIX D'EXCELLENCE AWARDS
INTERNATIONAL EXCELLENCE AWARD
THE EDGE PROPERTY AWARDS 2023
NO. 1 PROPERTY IN SOUTHEAST ASIA

gamudacove.com.my
03 9212 0455

ETP @ KIIP JENJAROM
KILANG BERKEMBAR

DALAM PEMBINAAN

ETP
KIIP JENJAROM
HAK MILIK KEKAL

KELUASAN TANAH : **26,382** kps | KELUASAN BANGUNAN : **17,740** kps

400 AMP | **3 TAN / M²**

DISKAUN BUMIPUTRA 10%

012-385 6733 / 012-356 3369

WORLDKLANG GROUP PROPERTIES SDN BHD (1395185-U)

WKG
WORLDKLANG
GROUP
Design For Value, Built For Excellence

Cadang kejohanan jadi acara tahunan

Wai Ching ungguli larian menara

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Pelari menara negara Soh Wai Ching mengungguli kategori lelaki terbuka Kejohanan Larian Menara Selangor di Menara Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Atlet berusia 30 tahun itu mencatat masa 2 minit 05 saat di menara berketinggian 21 tingkat yang mempunyai 568 anak tangga.

"Pertandingan ini agak sengit kerana ada pelari dari negara luar juga. Keseluruhannya, saya berpuas hati kerana masih mampu pertahan kedudukan dan lindungi menara ini daripada ditakluki pelari luar."

"Walaupun kali pertama dianjurkan kejohanan di menara ini, saya rasa ia



berlangsung dengan baik dari segi keadaan tangga yang agak rendah dan berdingin hawa, saya rasa sesuai untuk pelari yang baharu berjinak-jinak mahu serta sukan ini," katanya pada 13 Julai.

Mahu mengekalkan momentum, Wai Ching berkata beliau akan menyertai larian menara setinggi 47 tingkat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur pada 4 Ogos.

Tempat kedua terbuka lelaki dimenangi Muhammad Hazim Zuhairi Azahari dan Muhammad Afiq Mohd Ali (ketiga).

Peserta dari Kenya Eunice

Nyawira Muchiri menjuarai kategori terbuka wanita diikuti Michele Tan Bee Kiang (kedua) dan Serene Cheong (ketiga).

Perlumbaan tersebut menarik kira-kira 200 peserta termasuk dari Singapura, Taiwan, Britain, Nepal dan

Austria.

Sementara itu, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin berkata Kerajaan Negeri bercadang memperluas kejohanan seperti itu dengan kerjasama Persatuan Larian Menara Malaysia.

Katanya, program berkenaan dapat memupuk amalan gaya hidup sihat dan mengurangkan risiko penyakit berbahaya.

EXCO Sukan Najwan Halimi turut mencadangkan sukan larian menara itu dijadikan acara tahunan bagi menggalakkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

"Kita akan berbincang dengan Persatuan Larian Menara Malaysia dan setakat ini lokasi cadangan sama ada di Menara MBPJ atau di sini (Menara SSAAS), kita akan teliti sekiranya ada lokasi lain," katanya.

Ganjaran RM1 juta emas Olimpik

SHAH ALAM - Ganjaran bagi atlet kebangsaan yang meraih pingat emas Sukan Olimpik Paris 2024 dijangka bertambah apabila semakin ramai pihak tampil memberi sumbangan, kata menteri belia dan sukan.

Hannah Yeoh berkata syarikat swasta berpeluang untuk menyumbang ganjaran sebagai tanda sokongan kepada atlet negara yang menaiki podium di temasya empat tahun sekali itu.

"Untuk kerajaan masih kekal RM1 juta cuma sekarang ini pihak swasta ada menghubungi jawatankuasa Fast Track Road To Gold (RTG) untuk beri ganjaran kepada atlet yang membawa balik pingat emas.

"Bagaimanapun, untuk ganjaran ini ia akan diumumkan kemudian oleh jawatankuasa program itu nanti," katanya seperti dilapor Bernama pada 13 Julai.

Kerajaan menawarkan ganjaran RM1 juta buat atlet yang merangkul emas di temasya yang berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos menerusi Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM).

Terbaru pemaju hartanah Top Residency turut berminat menjajakan servis mewah bernilai RM1 juta di Setia Alam kepada pemenang emas pertama negara.

ETP @ KIIP KAPAR
KILANG BERKEMBAR
DALAM PEMBINAAN

KELUASAN TANAH : **23,282** kps | KELUASAN BANGUNAN : **15,260** kps

400 AMP | **3 TAN / M²**

DISKAUN BUMIPUTRA 10%

012-356 3369 / 012-385 6733

WORLDKLANG GROUP PROPERTY DEVELOPMENT SDN BHD (1452294-A)

ETP @ TELOK PANGLIMA GARANG
KILANG BERKEMBAR
DILENGKAPKAN DENGAN CCC

KELUASAN TANAH : **40k** kps | KELUASAN BANGUNAN : **30k** kps

1000 AMP | **3 TAN / M²**

012-385 6733 / 012-356 3369

WORLDCAPITAL DEVELOPMENT SDN BHD (1063245-K)



MOHD KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

meninjau keadaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hulu Kelang, Ampang Jaya



DATO' NG SUEE LIM
Sekinchan

bersama peserta Bengkel Terapi Kasih Keluarga Ceria di DUN beliau



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

merasmikan Majlis Penutup Kejohanan Pelayaran di SMK Batu Laut, Kuala Langat



DR FAHMI NGAH
Seri Setia

menyumbang bakul makanan kepada penduduk di Pangaspuri Mentari Court, Petaling Jaya



ABBAS AZMI
Seri Serdang

menyampaikan hadiah kejohanan catur di Puchong Utama, Subang Jaya



DATUK JOHAN AZIZ
Semenyih

menyerahkan peralatan sekolah kepada penerima TAWAS di DUN beliau



YEW JIA HAUR
Teratai

merasmikan pertandingan sukan jawatan kuasa penduduk di DUN beliau



DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

menyampaikan Insentif Haji Muassasah kepada penduduk DUN beliau

159 terima insentif

RM72,350 rai pelajar cemerlang SPM

Oleh RAFIQAH RAUF

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Parlimen Sungai Buloh menyerahkan insentif kepada 159 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Wakil rakyatnya memberitahu siri pertama penyerahan insentif dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat itu disampaikan kepada 73 pelajar di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara.

Datuk R Ramanan yang juga timbalan menteri pembangunan usahawan dan koperasi menjelaskan inisiatif melalui dana RM72,350 bertujuan menghar-

gai prestasi cemerlang pelajar lepasan SPM.

Katanya, 25 daripada 73 pelajar yang mendapat 7A menerima insentif RM400 seorang, 25 mendapat 8A (RM450), 19 mendapat 9A (RM500) manakala tiga pelajar mendapat 10A menerima RM600 dan seorang 11A menerima RM700.

"Insentif itu sebagai galakan kepada pelajar untuk lebih berjaya pada masa depan," katanya.

Penerima Melur Elvira Mohamad Iskandar, 18, yang memperoleh keputusan 7A dan bakal meneruskan pengajian di Universi-



ti Malaya dalam jurusan sains fizikal bersyukur menerima insentif itu.

"Saya bersyukur dengan keputusan diperoleh, ini pencapaian terbaik saya," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 10 Kota Damansara.

Memperoleh 11A, Ayuni Illya Azmi, 18, yang bakal melanjutkan pelajaran di universiti sama turut gembira menerima insentif tersebut hasil keputusan cemerlang SPM.

"Keluarga banyak memberi sokongan kepada saya terutama ibu yang banyak mendoakan. Selain itu guru juga banyak membantu," katanya.

Usaha maju kemudahan di Serendah

HULU SELANGOR - Hasrat menjadikan Serendah sebagai hab pembuatan pengangkutan bakal membangunkan kawasan tersebut sekali gus memberi manfaat kepada penduduk.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad yakin pentadbiran negeri akan menambah pelbagai kemudahan bagi memenuhi keselesaan dan keperluan masyarakat.

"Itu cadangan yang baik (hab pembuatan pengangkutan). Sekarang pun memang ada kilang kereta dan alat ganti kenderaan.

"Kita yakin hasrat ini akan lengkapkan lagi infrastruktur di sini. Bila membangunnya kawasan ini, kita harap tiada isu kesesakan atau perkara lain berlaku," katanya pada 13 Julai.

Pada 10 Julai, EXCO pelaburan ber-



kata Serendah bakal menjadi hab pembuatan pengangkutan ekoran pembangunan di kawasan itu selain pembukaan Bandar Industri Bernilai Tinggi Serendah.

Menurut Ng Sze Han, pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga membuka peluang baharu kepada kawasan Serendah dan sekitarnya untuk dimajukan menjadi hab logistik negara.

Sebelum ini, beliau berkata lokasi itu terkenal sebagai industri automatik dan elektronik termasuk kendalian syarikat besar selain mencatat pelaburan sehingga RM2.7 bilion sejak 2020 hingga kini.

Katanya, pusat industri berkenaan juga mewujudkan 6,000 peluang kerja berdampak tinggi dalam tempoh sama selain membawa masuk 53 pelaburan ke daerah tersebut.

Tambah petak parkir

HULU LANGAT - Pengunjung Klinik Kesihatan Kajang kini boleh menarik nafas lega apabila isu kekurangan parkir selepas dengan penambahan petak baru.

Wakil rakyat Kajang Cheong Kian Young berkata penambahan 154 petak parkir bagi menampung pengunjung yang semakin ramai selain memudahkan warga emas dan ibu mengandung.

"Isu parkir di Klinik Kesihatan Kajang ditimbulkan penduduk ketika kempen Pilihan Raya Negeri lalu dan sebelum ini

pengunjung khususnya ibu mengandung perlu terpaksa berjalan jauh kerana kekurangan parkir.

"Apabila mendapat mandat rakyat, saya berjumpa beberapa pihak termasuk pemaju yang ingin lakukan tanggungjawab sosial korporat dan ada yang bersetuju membantu.

"Naik taraf parkir ini hanya mengambil masa beberapa bulan sahaja dan kini Klinik Kesihatan Kajang mempunyai 204 parkir berbanding sebelum ini hanya 50 petak," katanya pada 15 Julai.

Tambah RM200,000 bantuan makanan

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200,000 bagi menjayakan bantuan bakiul makanan.

Ketua Yayasan MBI berkata peruntukan itu diluluskan Jun lalu bagi memastikan mereka yang memerlukan khususnya golongan berpendapatan rendah terus menerima manfaat.

"Program bakiul makanan masih berjalan dan peruntukan RM1 juta untuk tahun ini habis diagihkan. Jadi, peruntukan tambahan RM200,000 diluluskan.

"Ini membuktikan Kerajaan Negeri cakna dan ambil berat terhadap rakyat dan masih meneruskan program bantuan bakiul makanan," kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 16 Julai.

Beliau turut memaklumkan golongan memerlukan boleh memohon bantuan ini dengan pihak berkaitan di kawasan masing-masing.

"Program bakiul makanan ini semakin popular termasuk di kawasan kampung. Setakat ini, kita masih menerima permohonan bantuan daripada ketua kampung, ahli majlis dan wakil rakyat," katanya.

RESIDENSI SERAI @ Kundang, Rawang

SIAP DIBINA CCC BULAN SEPTEMBER 2024

• LOT BUMIPUTERA •

Luas Tanah Dari: 20' x 65' 22' x 65'	Luas binaan dari: 1,959 kaki persegi 2,310 kaki persegi	Berdekatan dengan PASARAYA ECONSAVE (Akan dibuka awal tahun 2025)	4 Bilik Tidur + 3 Bilik Air
--	---	--	------------------------------------

DARI: RM579,431 DAN KEATAS
(Tertakluk Kepada Termasuk Syarat)

PERCUMA:
1) Yuran Guaman & Duti Setem
2) Memorandum Pindahan (MOT)

Little Resources Sdn Bhd 201301017773 (1047606-H)
No.37, Jalan KPK 1/8, Kawasan Perindustrian Kundang, 48020 Rawang, Selangor. Tel: 03-6034 5566

SMD GROUP
Building Better Future
www.smdgroup.com.my

Hubungi Kami: 012 985 5573

Persegi LHD Resources Sdn Bhd 201301017773 (1047606-H) • Projek: Jalan No.37, Jalan KPK 1/8, Kawasan Perindustrian Kundang, 48020 Rawang, Selangor Malaysia • No. Lot: Perak: 30004-01-0207-00000 • Tempat: Seri 21, No.10/222 - 231/232 • No. Permit Mas & Jadual: 2024-01-04-025463874747 • Tarikh Sesi: 01/09/2024 • No. Permit Bina: 2024-01-04-025463874747 • Perak, Beliau, Kuala Lumpur, Selangor • No. Bahagian: Bahagian Ahli REHDA

selangorkini

Selangor tuan rumah SUKMA 2026

SHAH ALAM - Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia (SUKMA) memutuskan Selangor menjadi tuan rumah temasya dwi-tahunan termasuk Para SUKMA pada 2026.

Menurut Majlis Sukan Negara (MSN), keputusan itu dicapai dalam mesyuarat yang dipengerusikan Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh di Bukit Jalil pada 18 Julai.

Kenyataan berkenaan menyebut sistem penggiliran tuan rumah SUKMA dibuat berselang-seli antara MSN dan negeri tetapi negeri boleh menawarkan diri ketika giliran MSN.

"Berdasarkan kepada syarat itu, Selangor tampil menawarkan diri dan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia sebulat suara mengesahkan pemilihan Selangor selaku tuan rumah SUKMA 2026," kata MSN.

Pilih wakil negeri deklamasi puisi

SHAH ALAM - Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan berlangsung dua hari mulai 20 Julai di Pustaka Raja Uda di sini bagi memilih wakil Selangor dalam pertandingan peringkat kebangsaan.

Pengarah Festival Puisi Selangor Azree Ariffin memberitahu seramai 45 peserta bersaing dalam saringan pada 20 Julai manakala pertandingan akhir berlangsung keesokannya.

Beliau juga menjelaskan Selangor bakal menjadi tuan rumah sayembara tahunan ke-38 anjuran Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) yang dijadual pada 23 Ogos.

Bakal disempurnakan EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah, tiga Sasterawan Negara, Datuk Zurinah Hassan, Datuk Dr Siti Zainon dan Dato' Rahman Shari, terlibat dalam satu daripada tujuh forum bertajuk Menenun Damai Melalui Kata pada 21 Julai.


Pesta buku kanak-kanak 24-28 Julai

SHAH ALAM - Lebih 100,000 pengunjung dijangka memeriahkan Pesta Buku Kanak-Kanak Selangor di Kompleks PKNS di sini antara 24 hingga 28 Julai.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Datin Paduka Mastura Muhamad mempelawa ibu bapa hadir bersama anak-anak ke pesta berkenaan.

Pelbagai acara disediakan antaranya bengkel melukis, bengkel menghasilkan komik daripada tenaga pengajar berpengalaman, sesi bual bicara bersama ilustrator dan penulis buku.

RM1 juta buat pemenang emas pertama Olimpik



Cerpen, puisi & esei
HADIAH SASTERA SELANGOR 2024

terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal selangorkini.my



CERIA... EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin (enam, kiri) dan Pengurus Persatuan Tower Run Malaysia Ravinder Singh (lima, kiri) bersama pemenang Kejohanan Larian Menara Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 13 Julai. Foto HAFIZ OTHMAN ► BERITA MUKA 21

Tekad pemain paling bernilai Mobile Legend

Guna wang menang bina rumah keluarga

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL** dan **FITRI HAZIM HAZAM**

SEPANG - Pemain Selangor Red Giants (SRG) yang menjuarai kejohanan Mid Season Cup (MSC) Mobile Legend Bang Bang (MLBB) merancang membina rumah untuk keluarganya di kampung.

Muncul pemain paling bernilai dalam kejohanan di Riyadh, Arab Saudi pada 14 Julai, Muhammad Haqqullah Ahmad Shahrul Zaman 17, berhasrat membala jasa ibu bapanya.

Beliau yang dikenali sebagai Sekyss berazam mengubah nasib keluarganya

di Marang, Terengganu menggunakan bahagian wang kemenangan miliknya selain menabung dalam Amanah Saham Bumiputera.

"Saya bukan anak orang senang dan kejayaan ini amat bermakna untuk ibu bapa yang banyak berkorban tenaga dan wang. Saya rancang untuk membina rumah baharu buat keluarga," katanya

Mereka menerima sambutan wira daripada 100 penyokong termasuk Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Sukan Najwan Halimi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 17 Julai.

SRG yang turut dianggotai pemain

dari Selangor, Kelantan dan Filipina melakar sejarah menuju MSC hasil kemenangan 4-3 ke atas pasukan Filipina Falcons AP Bren Sport.

Mereka membawa pulang trofi dan wang tunai RM4.6 juta dan Haqqullah se-laku pemain paling bernilai memenangi RM235,000. Anak kelapan dari sembilan beradik itu berjinak-jinak dalam e-sukan melalui permainan Dota pada usia sembilan tahun sebelum beralih kepada Mobile Legend tiga tahun kemudian.

"Saya rancak bermain apabila ayah hadiahkan telefon bimbit kerana keputusan cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 4A 1B," katanya.

MBI salur dana pasukan e-sukan

SEPANG - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk antara RM200,000 hingga RM300,000 setiap tahun untuk pengurusan pasukan e-sukan Selangor Red Giants (SRG).

EXCO Sukan Najwan Halimi memberitahu dana tersebut untuk mengadakan program latihan, emolumen, pemakanan, kecergasan mental dan fizikal selain pembangunan akademik dan sahsiah.

Katanya, Kerajaan Negeri juga mem-

pertimbang untuk memberi insentif kepada mereka ekoran kejayaan menjuarai kejohanan Mid Season Cup Mobile Legend Bang Bang (MLBB) di Riyadh, Arab Saudi.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan bincang mengikut kesesuaian dan keperluan," katanya.

Beliau menjelaskan pembangunan e-sukan bermula sejak 2015 hasil usaha Dato' Menteri Besar Dato' Amirudin Shari

ketika menjadi EXCO sukan dalam merokongkan potensi pembangunan e-sukan.

Najwan berkata pentadbiran negeri juga menganjurkan kejohanan Selangor International Cyber Games pada 2014 dan diteruskan hingga peringkat akar umbi demi pembangunan ekosistem e-sukan.

"Ia melibatkan proses panjang sekali guna terbukti kejayaan SRG bergelar juara dunia di kejohanan Mid Season Cup MLBB 2024," katanya.